Utusan Sarawak
Stail
fesyen
ISNIN • 12 Ogos 2013 • 5 Syawal 1434H



Untuk koleksi pakaian BIEM lelaki, koleksi musim ini diilhamkan oleh zaman retro 1960-an, dengan lelaki berpakaian kemas, tetapi dengan sedikit kelainan.

# Koleksi terbaru Living Colours BIEM



**BIEM** melancarkan koleksi berwarna-warni dan berani bagi musim terbaru ini.

Bertemakan "Living Colours", koleksi ini menjanjikan serta menawarkan pelbagai warna menarik bagi pakaian bekerja.

Koleksi ini menggalakkan lelaki dan wanita moden mengekpresikan diri dengan mencampurkan dan memadankan warna.

Untuk koleksi pakaian BIEM lelaki, koleksi musim ini diilhamkan oleh zaman retro 1960-an, dengan lelaki berpakaian kemas, tetapi dengan sedikit kelainan.

Salah satu keutamaan pada koleksi kali ini ialah jaket.

Pada musim ini, jaket yang dikeluarkan mempunyai kemasan yang terperinci.

Salah satu perincian yang menarik yang ada pada jaket ini ialah "lapels".

Bagi lelaki yang ingin kelihatan berbeza boleh memakai jaket dengan "lapels" nipis untuk menampilkan corak dalaman yang menarik.

Terdapat juga banyak pilihan corak pada baju, kardigan dengan seluar nipis dan tirus yang pasti akan mewujudkan pemakai kelihatan moden serta bergaya di tempat kerja atau ketika beriadah.

Koleksi wanita pula mempunyai pelbagai pilihan dari segi warna berbanding lelaki.

Warna utama ialah biru dan merah jambu serta warna klasik seperti hitam, putih dan coklat yang jelas dapat dilihat dalam koleksi ini.

Gaya lebih elegan dengan sedikit butiran yang berlainan pada kolar, lengan dan bahu.

"Sexychiffons" dan kapas digunakan dalam koleksi ini membuatkan pemakai kelihatan lebih feminin.

Pakaian ke pejabat BIEM dan koleksi kasual berharga dari RM89 hingga RM299.90.

Koleksi terbaru BIEM kini boleh didapati di semua pasar raya utama.









Koleksi ini menggalakkan lelaki dan wanita moden mengekspresikan diri dengan mencampurkan dan memadankan warna.

Koleksi wanita pula mempunyai pelbagai pilihan dari segi warna berbanding lelaki. Warna utama ialah biru dan merah jambu serta warna klasik seperti hitam, putih dan coklat yang jelas dapat dilihat dalam koleksi ini...

